

15 JUN 2001

Mahathir-Umno

JANGAN KEJAR KEDUDUKAN DALAM UMNO UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI

JOHOR BAHRU, 15 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan anggota Umno jangan sekali-kali mengejar kedudukan dalam parti untuk kepentingan peribadi.

Beliau berkata seseorang itu tidak dikenang dan dihargai kerana jawatannya tetapi kerana sumbangan dan jasanya.

"Seseorang ahli itu tidak memerlukan jawatan untuk menyumbang kepada parti," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena Konvensyen Umno Johor di sini esok.

Dalam perutusan itu, yang diedarkan kepada pemberita hari ini, Perdana Menteri berkata sebagai parti yang berjaya membangkit penyatuan orang Melayu dalam menuntut kemerdekaan dan pengisiannya, Umno tidak sepatutnya diselubungi isu yang boleh menjejaskan martabatnya.

"Sedarlah dan kembalilah kepada perjuangan asal iaitu demi memartabatkan agama, bangsa dan negara," katanya.

Beliau mengingatkan anggota Umno bahawa cabaran yang dihadapi terlalu besar dan memerlukan tumpuan bagi meningkatkan jatidiri orang Melayu supaya tidak kecundang dengan penjajahan minda, budaya dan ekonomi dari luar.

Dr Mahathir berkata gejala politik wang boleh menjadi barah sehingga ada yang menganggap Umno sudah dihingapi virus yang lambat laun akan memamah seluruh tubuhnya sehingga ia lesap dari muka bumi ini.

"Jadi penyakit ini mesti dicegah dan dirawat dengan berkesan. Jangan kita jual maruah diri, kelak tergadai bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata sejajar pertambahan anggotanya, yang dijangka mencecah tiga juta orang, Umno perlu membuktikan kepada setiap orang Melayu bahawa ia merupakan wadah terbaik bagi memperjuangkan masa depan mereka.

Keyakinan yang perlu diberikan itu mestilah diiringi sifat mulia dan terpuji di kalangan anggota Umno sama ada di peringkat tertinggi mahupun di kalangan pemimpin dan anggota akar umbi.

Berpeganglah kepada nilai-nilai yang menjadi dasar kepada kekuatan budaya orang Melayu, katanya.

Dr Mahathir percaya bahawa dengan sifat terpuji anggotanya, Umno merupakan cerminan kepercayaan dan keyakinan orang Melayu dalam memperjuang dan memartabatkan bangsa dan negara.

Dr Mahathir berharap Johor yang menjadi tempat kelahiran Umno akan dapat meneruskan peranan dan fungsinya menyumbang kekuatan kepada parti seperti yang dibuktikan selama ini.

Pelbagai detik hitam yang dilalui Umno sejak penubuhannya pada 11 Mei 1946, sebenarnya menjadikan Umno lebih insaf dan matang serta menuntut agar setiap anggotanya lebih bijaksana menjamin kepentingan parti, katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan merasmikan konvensyen itu malam esok, dalam perutusannya berkata setelah berjaya menguruskan agenda pembangunan sosio-ekonomi dan politik bangsa, kini adalah masanya bagi Umno meneruskan perjuangan meningkatkan martabat bangsa.

"Kini masanya untuk wira Melayu zaman ini meneruskan agenda perjuangan bagi mengisi kemerdekaan dengan mengadakan pelbagai program, rancangan dan visi yang boleh meningkatkan lagi martabat bangsa Melayu," katanya.

Kira-kira 400 anggota perwakilan dan pemerhati daripada 20 bahagian Umno di Johor akan menyertai konvensyen itu yang dijadual berlangsung selama dua hari pada esok dan lusa, iaitu konvensyen tahunan yang diadakan menjelang Perhimpunan Agung Umno pada 21 Jun.

-- BERNAMA  
MNY RON